



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
DAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**BERHUBUNG DAKWAAN PENGIMPORAN AYAM BEKU DARI NEGARA
CHINA DAN THAILAND TIDAK HALAL**

Putrajaya, 15 Disember 2021 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengesahkan bahawa kesemua sembilan (9) loji ayam di Thailand dan dua (2) dari China yang tersenarai di laman sesawang DVS adalah masih sah status kelulusan eksport ke Malaysia.

2. Kelulusan pelanjutan status eksport loji-loji tersebut telah dipersetujui dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Abatoir dan Loji Pemprosesan Luar Negara (JTPALLN) yang bersidang pada 29 Mei 2020.

3. JTPALLN dianggotai oleh pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

4. Pengawasan halal ke atas loji yang telah diberi kelulusan mengimport ayam ke Malaysia daripada Thailand akan dipantau dan diselia oleh badan pengesahan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM iaitu The Central Islamic Council of Thailand (CICOT). Tempoh sah pengiktirafan JAKIM ke atas CICOT bermula pada 6 September 2021 hingga 31 Disember 2023.

5. Pengiktirafan badan pensijilan halal Shandong Halal Certification Service (SHC) sebagai badan yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula daripada 23 Januari 2020 sehingga 23 Januari 2022.
6. Memandangkan tempoh pengiktirafan beberapa badan persijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM termasuklah SHC akan tamat pada 23 Januari 2022, JAKIM telah melaksanakan *remote audit* kepada badan-badan pensijilan halal luar negara berkenaan pada 5 April 2021 sehingga 20 April 2021 untuk proses pembaharuan pengiktirafan tersebut.
7. Pada 17 Jun 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Pengiktirafan Halal Luar Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah meluluskan pembaharuan pengiktirafan kepada SHC bermula daripada 24 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023. Sijil baharu belum dikeluarkan kerana tempoh pengiktirafan sedia ada kepada badan pensijilan ini masih belum tamat.
8. Kenyataan media bersama oleh DVS dan JAKIM ini adalah bagi menjelaskan kekeliruan penceramah bebas yang mempertikaikan kenyataan media DVS berhubung isu berbangkit yang ditularkan baru-baru ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Putrajaya, 16 Disember 2021